

Najib, Rosmah lakukan umrah menjelang haji

Malaysiakini.com

November 2, 2011

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor malam tadi bertawaf di Baitul Al-Haram sebagai memulakan ibadah umrah yang menjadi sebahagian daripada tertib haji.

Mereka dilihat memasuki kawasan Mataf (Iaman Kaabah) pada 11 malam (4 pagi Rabu waktu Malaysia), di tengah-tengah ribuan jemaah haji yang sedang mengerjakan tawaf.

Perdana Menteri dan rombongan tiba dari Madinah petang semalam untuk menunaikan ibadah haji tahun ini.

Pagi ini, beliau dan isteri melawat ibu pejabat Tabung Haji di Hotel Abraj Al-Janadiriya di Mekah selain beramah mesra dengan jemaah haji Malaysia yang menginap di hotel itu.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/180272>